

SILAT

Hasrat rangkul emas di Kejohanan Dunia tergugat

Permohonan tangguh NS ditolak

► **NORMAN SAWI**
normans@sph.com.sg



SHEIK FERDOUS: Dijadual mulakan NS pada 7 Julai. – Foto TUKIMAN WARJI

KEGEMBIRAAN Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin selepas memenangi pingat emas pertama dalam kejohanan pencak silat utama awal bulan ini kini berganti hampa.

Sheik Ferdous, 20 tahun, bimbang hasrat memburu gelaran dunia di Kejohanan Pencak Silat Dunia (PSWC) ke-17 akhir tahun ini tidak kesampaian.

Permohonan bekas penuntut Politeknik Temasek itu untuk menangguh tarikh permulaan Perkhidmatan Negara (NS) ditolak Kementerian Pertahanan (Mindef).

Beliau dijadual memulakan NS pada 7 Julai dan telah memohon supaya ia ditangguh sehingga Sukan Asia di Indonesia pada 2018 bagi membenarkannya menumpu perhatian pada persiapan bagi PSWC

dan Sukan SEA di Malaysia tahun depan.

"Saya bukan tidak sanggup menjalani NS... ia tanggungjawab warga lelaki. Tapi saya juga ingin memburu impian saya.

"Kini, saya hanya berharap dibenarkan berlatih dan bertanding selepas menjalani Latihan Ketenteraan Asas (BMT)," ujar Sheik Ferdous, pasrah.

Ketika dihubungi, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, yang juga bapa Sheik Ferdous, berkata pihaknya telah membuat rayuan menerusi pelbagai pihak sejak Disember lalu, termasuk mantan presiden Majlis Olimpik Nasional Singapura (SNOC) Timbalan Perdana Menteri (DPM) Teo Chee Hean.

"Tiga bulan tanpa latihan akan menjejaskan peluangnya untuk

menang... itu pasti," kata Sheik Alau'ddin, yang juga bekas pesilat nasional dan juara dunia.

Sheik Ferdous dijangka terlepas menyertai beberapa pertandingan 'persiapan', termasuk Sukan Pantai Asia September ini. PSWC berlangsung di Bali dari 1 hingga 10 Disember ini.

Semasa dihubungi, jurucakap Sport Singapore (SportSG) berkata ia membantu Sheik Ferdous merayu kepada Mindef menerusi Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia (MCCY).

Dalam kenyataannya kepada *Berita Harian* (BH), Mindef menyatakan:

"Mindef telah membenarkan atlet tanpa tandingan menangguh NS sepenuh masa jika mereka dinilai berkeupayaan memenangi pingat antarabangsa bagi Singapura, seperti di Olimpik atau acara sukan setara.

"Penilaian ini dilaksanakan dengan MCCY dan mengambil kira penca-

paian lalu dan persembahan permohonan masa ini.

"Berdasar kriteria ini, permohonan Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin untuk menangguhkan NS sepenuh masa tidak disokong."

Setakat ini, dua perenang nasional – Joseph Schooling dan Quah Zheng Wen – dibenarkan menangguh NS bagi mengambil bahagian dalam Sukan Olimpik (Rio 2016).

Awal bulan ini, Sheik Ferdous menewaskan juara Vietnam Pham Thanh Tam dalam final Kelas I (85-90 kg) di Kejohanan Pencak Silat Asia Kedua.

Beliau telah menambah berat badan sebanyak 20 kg bagi mencekahkan peluang memenangi pingat dalam kategori 'lebih berat' yang kurang ditandingi.

Di Sukan SEA ke-27 tahun lalu, Sheik Ferdous tumbang dalam separuh akhir Kelas E (65-70 kg).

Beliau tidak memenangi pingat acara tanding di PSWC ke-16 di Thailand tahun lalu, tetapi meraih pingat perak acara ganda putera.